

Helo f Kampus

helo, kampus
kampus@utusan.com.my

TENGGU ABDULLAH dianugerahkan ijazah Kehormat Doktor Pengurusan oleh Daing Nasir (kanan) sebagai pengiktirafan terhadap sumbangah baginda dalam bidang ini di Malaysia.

TENGGU ABDULLAH (tengah) dan Adnan Yaacob (tapan dari kanan) serta Daing Nasir Ibrahim (tapan dari kiri) bersama pemeriksa anugerah dan hadiah keceperlangan UMP dalam Majlis Konvokasyon UMP kali ke-12, hari-bara ini.



Tengku Abdullah dianugerah ijazah Kehormat UMP

SERAMAI 2,845 graduan telah menerima ijazah dan diploma masing-masing merangkumi pelbagai peringkat pengajian iaitu ijazah doktor falsafah (PhD), sarjana, sarjana muda dan diploma pada Majlis Konvokasyon UMP kali ke-12 yang berlangsung selama tiga hari, bermula 18 November lalu di Dewan Kompleks Sukan UMP, Kampus Gambang di Pekan, Pahang.

Daripada jumlah itu seramai 58 merupakan graduan kedoktoran (PhD), graduan sarjana eksekutif (SEI), graduan sarjana (21), sarjana muda eksekutif (43), graduan sarjana muda (1,762).

Selain itu, 34 lagi ialah graduan dwijajazah, manakala graduan diploma (241) dan graduan diploma eksekutif (315).

Pemangku Raja Pahang yang juga Canselor UMP, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah berkenan mencanur duli bagi mengurniakan (ijazah kepada graduan pada sesi pertama majlis konvokasyon itu.

Yang turut hadir Menteri Besar

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK
kampus@utusan.com.my

Pahang, Datuk Seri Adnan Yaacob dan Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Dalam istiadat tersebut, Tengku Abdullah dianugerahkan ijazah Kehormat Doktor Pengurusan sebagai pengiktirafan terhadap sumbangah baginda dalam bidang berkenan yang disampaikan oleh Daing Nasir.

Sementara itu, Daing Nasir berkata, dalam meletakkan kecermerlangan UMP, usaha kerjasama yang lebih kukuh dengan pihak industri perlu dipergiat lagi bagi menghasilkan graduan yang lebih berkualiti dan berintegriti.

"Pihak industri dan UMP perlu ada kerjasama perkongsian pintar dalam menjadikan graduan yang dihasilkan kekal relevan dalam persekitaran kerjaya di pelbagai sektor terutama swasta.

Pesta KONVO UMP 2017
Universiti Malaysia PAHANG
Kampus Gambang

"Kerjasama ini boleh datang dalam pelbagai bentuk seperti latihan industri tetapi perkara yang lebih penting ialah membabitkan usaha pengubalan program dan kurikulum yang bukan sahaja berorientasikan pasaran tempatan malahan ke peringkat

antarabangsa,"katanya.

Pada majlis itu, seramai 17 graduan pelatih Program Latihan Kemahiran Industri - Projek Landasan Rel Pantai Timur (PLKI-ECRL) di UMP Kampus Gambang turut dirakan dalam majlis konvokasyon itu.

Program PLKI-ECRL merupakan kerjasama UMP dengan Syarikat Malaysian Rail Link (MRL) dan Syarikat China Communications Construction (ECCCL) Sdn. Bhd. (CCCC) bagi melahirkan lebih ramai tenaga

mahir dalam industri rel.

Bersempena majlis konvokasyon itu, UMP turut melancarkan buku yang berjudul *Mutiara Mahkota: Tengku Abdullah Al-Haj* pada Majlis Santapan Malam Majlis Konvokasyon UMP.

Karya setebal 250 halaman itu menampilkan lebih daripada 200 gambar yang mengisahkan tentang kepimpinan Tengku Abdullah.

Karya penyelidikan yang dijanjikan selama tiga tahun itu

mengandungi enam bahagian khusus iaitu Warisan Lelehur Berzaman dan Putera Cendekia Perkas.

Selain itu, bahagian-bahagian lain ialah Cergas Tangkas, Citra Wibawa, Waris Ganti dan Tuanak Canselor.

Majlis konvokasyon itu turut disertai dengan Pamenan Mutiara Mahkota Tuanak Canselor di Galeri UMP yang mengumpul koleksi gambar sejarah kepimpinan dan ketokohan baginda.



SEBANYAK 2,845 graduan UMP menerima ijazah dan diploma pada sesi pertama Majlis Konvokasyon UMP kali ke-12.